

27/01/2001

Nik Aziz tidak benarkan Pas sertai BN

KOTA BHARU, Jumaat - Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, menegaskan beliau tidak akan membenarkan Pas menyertai semula Barisan Nasional (BN).

Sehubungan itu, beliau sendiri akan melarang ahli Pas daripada menyertai BN sebagai keputusan daripada pemimpin tertinggi parti.

"Saya akan larang orang Pas masuk semula BN. Kami (Pas) tidak akan masuk BN... itu keputusan. Saya sebagai Mursyidul Am Pas tidak akan beri (membenarkan) Pas masuk semula BN.

"Cara lain tu, lain caranya. Itulah sebabnya ketika kami menerima jemputan untuk (membincangkan) isu perpaduan tapi itu bukan asas menjaga (perpaduan) Melayu kerana kita nak jaga Islam," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis pecah tanah di tapak cadangan pembinaan Pusat Tarbiyah Pas di Pengkalan Chepa, dekat sini, hari ini.

Nik Abdul Aziz berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa Pas boleh menyertai semula BN sebagai salah satu usaha menyatukan perpaduan orang Melayu.

Dr Mahathir berkata, Umno tidak akan menghalang Pas menyertai BN jika semua rakan dalam BN bersedia menerimanya.

Mengenai isu penarikan balik Surat Tauliah dan Darjah Kebesaran seperti diarah Istana Kelantan kepada dua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco), Mohamad Daud dan Takiyuddin Hassan, beliau enggan mengulas lanjut.

"Tak ada apa, no komen. Saya nak puasa... saya puasakan lidah saya," katanya.

(END)